

Pengendalian Selamat Peralatan Merkuri dan Raksa



Kuantan, 15 Mei - Sejalan dengan slogan Universiti Malaysia Pahang (UMP) "Memasyarakatkan Teknologi" Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMO) tampil dalam usaha menyahut hasrat UMP dengan mengadakan Kursus Pengendalian Selamat Peralatan Mengandungi Merkuri/Raksa bertempat di Bilik Latihan Bangunan Kompleks Pentadbiran Utama UMP Gambang.

Lebih 40 orang peserta dalam kalangan guru dan pembantu makmal sekolah sekitar daerah Kuantan dan Pekan hadir dalam kursus ditawarkan secara percuma kepada warga sekolah. Program disampaikan oleh Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Dr. Abdul Aziz Mohd Azoddein.

Menurut Pengarah Pejabat OSHMO, Muhammad Hairynizam Muhd Taib, objektif utama penganjuran kursus ini adalah untuk berkongsi ilmu pengetahuan berkenaan pengendalian merkuri dan di samping itu, mempromosikan teknologi dan produk UMP.

"Ianya juga dapat memberi pendedahan dan perkongsian ilmu berkaitan pengendalian tumpahan merkuri kepada warga sekolah memandangkan akhir-akhir ini banyak kes yang melibatkan tumpahan merkuri daripada alat radas makmal di sekolah dan institusi pendidikan," ujarnya.

Selain itu, program ini dapat melaksanakan khidmat komuniti terhadap sekolah dalam menyokong usaha universiti dalam memasyarakatkan teknologi dan dalam masa yang sama mempromosikan universiti kepada pihak luar.

Produk Mer Kit merupakan satu set pengendalian tumpahan merkuri yang juga merupakan hasil penyelidikan Dr Abdul Aziz sendiri. Ianya mengandungi set lengkap untuk mengawal & mengendalikan tumpahan merkuri tanpa menjejaskan kesihatan pengendalinya.

Disediakan oleh En. Khairul Adlan dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 24-05-2017, 10:12:08